

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah kementerian dalam menjadikan Lembah Chuping, Perlis sebagai tapak menjana projek sumber suria atau tenaga solar utama negara kerana kedudukan geografinya yang paling panas di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Faktor utama yang diambil kira dalam menentukan kesesuaian lokasi untuk dijadikan tapak bagi pembangunan tenaga solar adalah *solar irradiance*, dengan izin. Berdasarkan kajian pemetaan solar oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia sememangnya mempunyai kadar *solar irradiance* yang tinggi.

2. Setakat ini, belum ada cadangan untuk membangunkan Lembah Chuping sebagai tapak bagi projek solar utama negara. Namun demikian, sekiranya terdapat pemaju yang berminat untuk membangunkan projek solar di kawasan tersebut, mereka boleh menyertai inisiatif *Large Scale Solar* (LSS) yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga.
